UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

Isu 48/49 - Julai/Ogos 05

15hb September 2005





Malam Di Ambang Merdeka





inside !

Mesej Timb Pengarah HEA & Alumni

Persijilan ISO 9001:2000

Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM)

Toastmasters Club

Pak Mat: A profile

Language of the Heart

Seminar Pemantapan Siswa

Kursus Aplikasi e-Learning

Tahniah! kepada semua keluarga kampus kerana berjaya mendapat

Persijilan ISO 9001:2000 (LRQA)



Kecemerlangan Berterusan

Perjalanan menuju Wawasan 2020 yang membawa kita menjadi sebuah negara maju dalam tempoh 15 tahun akan datang berhadapan pelbagai cabaran dan kemungkinan berlaku peristiwa di luar dugaan. Tidak mustahil perkara seperti krisis mata wang serantau pada tahun 1997 dan 1998 berulang lagi dan jumlah graduan menganggur akan bertambah jika generasi pelapis masa depan tidak berhati-hati dan berwaspada.

Kerajaan telah membuat andaian mengenai apa yang boleh berlaku ke atas anak bangsa kita dan menyeru kita membuat persediaan awal sebaik-baiknya terutama dalam pembangunan



Mesej Timbalan Pengarah HEP & Alumni

Prof Madya Dr Hj Abang Ahmad Ridzuan Abang Awit

insaniah dan pendidikan. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Comenius (1650) sebagai "wholly educated" dalam kata-katanya "Our wish is that every man and woman should be wholly educated, rightly/armed not only in one single matter or in a few or even in many, but in all things which perfect human nature.

Salah satu daripada tujuh strategi yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke arah Fasa Kedua Wawasan 2020 ialah mempercepatkan pembangunan pendidikan dengan penekanan kurikulum kepada teknologi baru. Saranan untuk mempercepatkan pembangunan pendidikan ini merupakan tanggungjawab UiTM untuk menggandakan kemasukan pada semester-semester mendatang. Dalam masa yang sama UiTM akan terus menggiatkan program pengantarabangsaan untuk memupuk kebudayaan dan teknologi terkini. Sejak tahun lepas UiTM Kampus Samarahan telah menerima pertukaran pelajar Amerika Syarikat seramai 16 orang dan pada tahun ini seramai 32 orang lagi telah bersama pelajar-pelajar kita dari 16 Julai hingga 15 Ogos 2005.

Satu lagi strategi kerajaan untuk Wawasan 2020 ialah meneruskan penekanan kepada pembangunan insaniah. Usaha melahirkan "perfect human nature" ini juga telah dikatakan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Naib Canselor dalam perutusan Majlis Perasmian Minggu Mesra Siswa yang lepas sebagai "Personaliti Unggul (Excellence personality). Apa yang beliau maksudkan dengan "Personaliti Unggul ialah sifat terpuji seseorang yang tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun. Seseorang yang berpersonaliti unggul adalah dia yang sentiasa rajin berusaha, gigih bekerja, memiliki tingkat kesabaran tertinggi, sentiasa sihat rohani dan jasmani, sentiasa berfikiran terbuka dan seimbang, adil, saksama, jujur, tahu berterima kasih, sedar diri, sentiasa memikirkan kesejahteraan orang lain, tidak pentingkan diri peribadi, tidak mengambil jalan mudah untuk berjaya dan meningkatkan kedudukan diri, sentiasa pemurah, sentiasa membantu, mengenang budi, tidak mudah berputus asa, menghormati sesama makhluk dan mengagungkan kebesaran Ilahi.

Kita yakin UiTM dapat melahirkan graduan yang berpotensi unggul ini yang "dihempas tak pecah, dilentur tak patah dan ditumbang tak rebah".

Jelita sungguh puteri bersanggul
Makan ketupat di laman rumah
Siswa UiTM berpersonaliti unggul
Capai matlamat pembangunan insaniah

" Holistic education, as John P. Miller defines it in The Holistic Curriculum (1996., is essentially concerned with connections in human experience — connections between mind and body, between linear thinking and intuitive ways of knowing, between academic disciplines, between individual and community, and between the personal self and the transpersonal Self that all spiritual traditions believe to exist beyond the personal ego. The Holistic Curriculum concisely describes how holistic thinking integrates spiritual and scientific perspectives, drawing upon romantic, humanistic, and other radical alternatives to the atomistic worldview of the modern age.: (Http://www.infed.org/biblio/holistic education.htm)

Pak Mat-
Veteren UiTMCS
'Lakukan kebaikan kepada orang lain'

Wan Salbiah

Tugas untuk menemuramah Encik Mohamad Shah Mahat, veteran UiTM Sarawak, tidaklah semudah yang disangka kerana beliau merupakan seorang yang sentiasa sibuk dengan tugas-tugas dan program-program tersendiri.. Bagaimanapun, saya bertuah kerana akhirnya berpeluang untuk melakukan tugas ini.



Mohd Shah dilahirkan 53 tahun yang lalu pada 31 Mei 1952 di Batu Pahat, Johor. Pendidikan beliau bermula di Sekolah Kebangsaan Seri Separap (Darjah 1-6), diikuti dengan Sekolah Menengah Dato' Sulaiman, Batu Pahat (Tingkatan 1-5). Pengajian beliau dalam Kursus Persediaan Perdagangan selama lima bulan di ITM (UiTM) telah bermula ketika menunggu keputusan SPM. Beliau kemudian meneruskan pengajian dalam bidang Diploma Perakaunan di ITM, Shah Alam, Bachelor of Arts (Business Administration) dan Master of Business Administration di Amerika Syarikat.

Beliau telah mula bertugas sebagai Penolong Akaun di ITM, Shah Alam pada 13 Julai 1973 dan sebulan kemudian berpindah ke ITM , Batu Lintang, Kuching. Bermula dari situ , beliau telah melangkah jauh sehingga dilantik menjadi Pensyarah pada 1985, Ketua Kursus Diploma In Business Studies (1986-1988), Ketua Program Diploma In Accountancy (1996-1998), Ketua Program Diploma In Accountancy & Bachelor In Accountancy (1999-2000).

Mohd Shah juga pernah menjalani Latihan Amali di Malaysian Weaving Corporation (1971-1972), Johor, Latihan-latihan Praktikal di Jabatan Audit Negara (1987), di Malaysian Oriental Assurance (1988) dan di firma Arthur Anderson di Kuching (1995). Meskipun kesibukan menjalankan tugas seharian, beliau telah mengambil inisiatif untuk belajar secara sendirian bagi Peperiksaan Certified Internal Auditor (2003).

Sepanjang perkhidmatannya di UiTM, Sarawak, beliau pernah dijemput untuk memberi ceramah-ceramah, menyertai Persatuan Ibubapa, Persatuan Rekacipta Sarawak dan Program Khidmat Masyarakat. Di UiTM pula, beliau terlibat dalam Jawatankuasa Akhlak, ISO, Juruaudit bagi Sistem Audit Kualiti dan Koperasi Kakitangan UiTM .

Tempoh perkhidmatan beliau yang lama telah diberi pengiktirafan melalui Program Jasamu Dikenang pada 1999. Seterusnya pada 2003, beliau telah menerima Pingat Perkhidmatan lebih 25 tahun, Perkhidmatan Cemerlang UiTM 2003 dan beberapa Pingat Kerajaan Negeri.

Di sebalik kecemerlangan yang telah Pak Mat capai, terdapat beberapa peristiwa yang tidak mudah dilupakan iaitu peristiwa menyelamatkan stor alat tulis semasa banjir kilat berlaku di ITM, Batu Lintang, mengambil bahagian dalam penyediaan kapal berhias, ITM, Sarawak sempena Persidangan Raja-raja yang ke 116 di Kuching dan menjadi peserta rally bermotor sempena Sambutan Jubli Delima 40 tahun, Sarawak Merdeka pada 2003.

Mohd Shah mempunyai seorang isteri, Puan Majnah Samat dan lima orang anak.



Puan Majnah pernah menyer[illegible] Jawankuasa PEWANI pada 2001.

Sesuai dengan motonya 'Lakukan kebaikan kepada orang lain walaupun sedikit dan jangan putus asa, 'sikit-sikit lama-lama jadi bukit.' Beliau pada dasarnya merupakan seorang yang amat dedikasi dengan tugasnya, bukan sahaja tugas-tugas rasmi tetapi juga kegiatan-kegiatan luar dan sentiasa mempunyai daya inisiatif untuk mempertingkatkan



diri. Jasa dan khidmat beliau kepada UiTM Sarawak tidak terkata dan tidak mungkin akan dilupakan.

Syabas, Mohd Shah!

Op Lupus

















"Holistic education is essentially concerned with connections in human experience – connections between mind and body, between linear thinking and intuitive ways of knowing, between academic disciplines, between individual and community, and between the personal self and the transpersonal Self that all spiritual traditions believe to exist beyond the personal ego."













infokampus2000@yahoo.com